



## Strategi Pencapaian Objektif Kualiti dalam Penulisan dan Penerbitan

Kamisah Hj Ariffin

### ABSTRAK

Sasaran kualiti bagi penulisan dan penerbitan telah ditetapkan pada nisbah satu penulisan satu pensyarah setiap tahun bagi semua pensyarah di UiTM Pahang. Petunjuk Prestasi Utama (Key Performance Indicator – KPI) penulisan bagi setiap pensyarah juga telah dinyatakan dengan jelas dalam Sasaran Kerja Tahunan iaitu satu penulisan sepanjang tempoh satu tahun yang dinilai. Namun begitu, analisa bagi hasil penulisan pensyarah di UiTM Pahang menunjukkan bahawa sasaran ini masih belum tercapai sejak ianya ditetapkan pada tahun 2005. Kertas kerja ini membincangkan strategi yang boleh diatur di peringkat pengurusan UiTM Pahang dan juga individu dalam usaha mencapai objektif dalam penulisan dan penerbitan seterusnya membolehkan objektif kualiti kampus tercapai secara keseluruhan.

**Kata Kunci:** objektif kualiti, penulisan dan penerbitan, strategi pencapaian

### Pendahuluan

Aktiviti penulisan dan penerbitan dianggap sangat penting dalam dunia akademik. Bagi sesebuah universiti, ianya sentiasa menjadi salah satu dari titik pengukur kepada kedudukan dan kehebatan universiti tersebut. Bagi pensyarah pula, ianya menjadi lambang keserjanaan dan salah satu elemen penting dalam pembangunan kerjaya sebagai seseorang tenaga akademik. Ini adalah kerana melalui hasil penulisan dan penerbitan, khazanah ilmu dapat disebarkan dan dipertingkatkan. Melalui penyebaran ilmu ini pula kehadiran sesebuah institusi pengajian tinggi itu dapat dirasai dan dimanfaatkan oleh masyarakat. Memetik kata-kata Prof Syed Muhammad Naquib al-Attas (1988),

*“...universiti bukan hanya bangunannya, bukan hanya kenyataan zahirnya. Sesungguhnya, dalam sejarah universiti mana pun, pengajar-pengajar atau guru-gurunya dan yang belajar daripada mereka adalah unsur utama kewujudan universiti. Jadi, cemerlang atau tidak universiti itu bergantung pada ilmu pengetahuan dan pengenalan yang ada pada diri guru-gurunya masing-masing...”*

(dalam Rasid, 2008, hal. 155)

Pada hari ini, pelbagai galakan dan insentif telah diberikan oleh pihak universiti untuk mengimarahkan aktiviti penulisan di kalangan pensyarah. Begitu juga dalam penyediaan platform untuk memberi ruang kepada pensyarah menerbitkan hasil penulisan mereka. Berbanding kampus cawangan lain, UiTM Pahang sendiri telah menyediakan pelbagai platform bagi penulisan dan penerbitan seperti Jurnal Gading, Prosiding Kolokium, Prosiding Seminar Kebangsaan Sains, Teknologi dan Sains Sosial, Prosiding Konferensi Akademik, dan yang terkini, Monograf COMPASS yang akan diterbitkan dalam tiga jilid. Walaubagaimanapun, didapati aktiviti penulisan di kalangan pensyarah UiTM Pahang masih lagi tidak begitu rancak

dan masih belum menepati sasaran kualiti seperti yang diharapkan. Antara sebab yang paling ketara adalah kekangan masa dan tenaga disebabkan oleh bebanan amanah tugas pensyarah di UiTM yang dianggap lebih berat berbanding institusi pengajian tinggi yang lain. Namun begitu, perkara ini perlu diatasi kerana aktiviti penulisan sangat signifikan kepada kualiti akademik sesebuah universiti dan masa depan kerjaya sebagai seorang pensyarah. Seperti yang dimaklumkan oleh Dato' Mustapha Mohamed, bekas Menteri Pengajian Tinggi Malaysia:

*"... pensyarah universiti tidak boleh bekerja cara lama ... Research citations penting kerana ini mencerminkan kualiti pensyarah dan universiti. Kita perlu tingkatkan citation index."*

(Ku Seman & Amran, 2007)

Oleh itu, dalam kertas kerja ini, penulis ingin mencadangkan beberapa strategi yang boleh diatur oleh pihak pengurusan dan pensyarah sendiri untuk mencapai objektif yang telah ditetapkan dalam aspek penulisan dan penerbitan walaupun setiap pensyarah berhadapan dengan kekangan masa dan bebanan tugas yang sarat.

## Senario Aktiviti Penulisan di UiTM Pahang

UiTM Pahang, dalam objektif kualitinya telah menetapkan penglibatan semua staf akademik dalam bidang penulisan pada kadar satu penulisan bagi setiap staf untuk setiap tahun. Walaubagaimanapun, sejak objektif ini ditetapkan pada tahun 2005, analisa hasil menunjukkan bahawa sasaran ini masih belum dapat dicapai, malah boleh dikatakan amat jauh untuk mencapai sasarannya. Berdasarkan analisa hasil penulisan yang dijana dari sistem PRISMa (*Publication Repository Information System Management*), iaitu sistem yang merekodkan hasil penulisan para pensyarah dalam seluruh sistem UiTM, didapati bahawa bagi tahun 2008, hanya 29 orang pensyarah yang terlibat berbanding 303 orang pensyarah yang berdaftar dalam senarai perjawatan di kampus ini (PRISMa, 2008). Jadual 1 di bawah menunjukkan perincian hasil penulisan pensyarah UiTM Pahang bagi tahun 2008.

Jadual 1: Trend Pencapaian Hasil Penulisan Pensyarah UiTM Pahang bagi 3 Tahun (2006-2008)\*

Tahun	Bil. pensyarah yang terlibat	% penglibatan pensyarah	Bil. penulisan yang dihasilkan
2006	34	13.9 (dari 245 orang)	80
2007	32	12.2 (dari 263 orang)	76
2008	29	9.6 (dari 303 orang)	57

\*Sumber: PRISMa (sehingga 18 November 2008)

Rekod dari PRISMa juga menunjukkan bahawa Fakulti Sains dan Fakulti Teknologi Maklumat dan Sains Kuantitatif adalah fakulti yang paling aktif menghasilkan penulisan setiap tahun. Ini dapat ditunjukkan oleh Jadual 2 di bawah.

Jadual 2: Bilangan Pensyarah dan Bilangan Penulisan yang Dihasilkan Mengikut Fakulti bagi 3 Tahun (2006-2008)\*

Fakulti/Program /Kampus	2006		2007		2008	
	Pensyarah	Penulisan	Pensyarah	Penulisan	Pensyarah	Penulisan
Kejuruteraan Awam	2	7	2	6	1	5
Sains	6	20	8	14	9	15
Pengurusan Ladang	1	1	1	3	0	0
Teknologi Perakayuan	2	7	2	6	0	0
Perakaunan & Undang-undang	3	6	3	5	4	5
Pengurusan Pejabat	2	3	2	3	0	0
BM111	2	2	2	4	0	0
BM112	0	0	0	0	1	1
BM115	1	1	1	1	2	4
FTMSK	9	17	9	30	10	18
Akademi Pengajian Bahasa	6	16	2	5	2	8
CITU	0	0	0	0	0	0
Kuantan	0	0	0	0	0	0
Raub	0	0	0	0	0	0

\*Sumber: PRISMa (sehingga 18 November 2008)

Dari rekod yang ditunjukkan di atas, ternyata jumlah dan peratus penglibatan pensyarah dalam aktiviti penulisan di UiTM Pahang sangat kecil. Angka 9.6% terlalu jauh untuk mencapai sasaran penglibatan 100% pensyarah setiap tahun. Maka, beberapa strategi perlu dirangka dan disokong oleh semua pihak untuk mencapai sasaran ini.

## Strategi Pencapaian Sasaran Penulisan dan Penerbitan

Penulis ingin mengemukakan beberapa strategi yang boleh dirangka dan dilaksanakan di mana ianya melibatkan peringkat pengurusan dan pensyarah sendiri. Penulis percaya bahawa strategi ini perlu dilaksanakan secara seiring untuk mendapatkan hasil yang optimum.

### Strategi di Peringkat Pengurusan

Pihak pengurusan boleh mengatur strategi dengan menggunakan pendekatan lembut dan pendekatan keras. Kedua-dua pendekatan ini masing-masing mempunyai kelebihan dan kelemahan. Walaubagaimanapun, kedua-dua pendekatan ini boleh menjadi suatu kuasa yang

dapat memacu UiTM Pahang ke arah kejayaan yang diinginkan.

#### *Pendekatan Lembut*

Pendekatan lembut, atau lebih dikenali sebagai pendekatan positif, biasanya melibatkan kaedah yang boleh membawa kepada perubahan tingkah laku seseorang individu itu. Antara pendekatan lembut yang dicadangkan ialah seperti berikut:

- i. mewujudkan kesedaran di kalangan pensyarah akan kepentingan dan signifikansi penulisan kepada individu dan universiti

Pensyarah perlu diberi kesedaran mengenai aspek penulisan dan penerbitan yang amat dititikberatkan dalam dunia akademik. Ini adalah kerana tanpa kesedaran yang mendalam, sebarang strategi yang dirancang tidak akan membawa sebarang kesan kepada mereka. Antara strategi yang boleh dilaksanakan ialah dengan memaklumkan kepada mereka dengan jelas akan matlamat dan kehendak universiti dalam aspek penulisan. Dengan pemahaman yang jelas, kemungkinan besar para pensyarah akan mengubah persepsi dan penerimaan mereka terhadap KPI penulisan kepada yang lebih positif.

Selain dari itu, pihak universiti juga boleh mengadakan kempen kesedaran yang memuatkan aktiviti lawatan penandaarasan ke kampus-kampus cawangan yang lain dan universiti-universiti yang memang terkenal dengan keaktifan pensyarahnya dalam bidang penulisan. Pensyarah kemudiannya boleh mengukur sendiri kedudukan mereka berbanding yang lain dan merancang apa yang perlu dicapai agar selari dengan matlamat dan aspirasi universiti.

- ii. memberi pengiktirafan dan insentif kepada pensyarah yang aktif dalam aktiviti penulisan

Memberi pengiktirafan dan insentif kepada pensyarah yang aktif dalam bidang penulisan diyakini dapat memberi motivasi yang tinggi kepada individu yang terbabit dan juga kepada pensyarah yang lain. Universiti Sains Malaysia (USM), misalnya, mengadakan Anugerah Sanggar Sanjung yang menghadihkan wang tunai yang lumayan setiap tahun kepada pensyarah yang layak. Kesannya, USM telah muncul sebagai sebuah universiti yang unggul dalam bidang penulisan yang menjadi salah satu sebab membolehkan universiti tersebut dianugerahkan status *Apex University*.

Langkah yang diambil oleh pihak pengurusan UiTM Pahang untuk menerima cadangan menyediakan beberapa anugerah bagi penulisan pada Hari Kualiti dianggap sebagai langkah bijak untuk menggalakkan aktiviti penulisan di kalangan para pensyarah.

- iii. menyediakan persekitaran yang menyokong kepada aktiviti penulisan

Aktiviti penulisan tidak akan berkembang sekiranya persekitaran yang sepatutnya menyokong aktiviti tersebut tidak disediakan. Persekitaran di sini merangkumi beberapa aspek seperti masa dan kemudahan. Tidak dapat dinafikan bahawa kebanyakan pensyarah di UiTM berhadapan dengan Amanah Tugas Akademik (ATA) yang tinggi. Tidak semua pensyarah mempunyai tenaga, kebolehan, kesanggupan dan kesempatan untuk menghasilkan penulisan disamping bebanan mengajar yang sarat. Pihak pengurusan boleh membantu dengan mengurangkan ATA pensyarah yang ingin bergiat aktif dalam bidang penulisan. Alternatifnya, aktiviti penulisan juga boleh diserapkan sebagai sebahagian daripada ATA.

Disamping itu, kedudukan UiTM Pahang yang agak jauh dari universiti lain mungkin

menjadi halangan kepada pensyarah untuk mendapatkan sumber rujukan. Pihak pengurusan boleh menyelesaikan masalah ini dengan menyediakan capaian internet yang lebih pantas dan juga akses kepada lebih banyak jurnal antarabangsa. Selain itu, pihak pengurusan boleh memberi keizinan kepada pensyarah terutama pada musim cuti semester untuk pergi membuat rujukan di universiti-universiti lain. Konsep menjadi 'penulis tamu' mungkin boleh diperkenalkan kepada kampus-kampus cawangan yang lain di mana pensyarah UiTM Pahang boleh menjalankan aktiviti penulisan di kampus lain dan sebaliknya.

#### iv. mewujudkan kerjasama antara pihak UPENA dan RMU

Salah satu dari strategi UPENA pada masa ini adalah bekerjasama dengan Unit Pengurusan Penyelidikan (RMU). Penulis dimaklumkan bahawa ramai pensyarah yang ingin menulis tetapi tidak dapat berbuat demikian kerana tiada mempunyai data penyelidikan. Oleh demikian, pihak RMU telah membuat penetapan kepada setiap penyelidik yang diberikan dana untuk penyelidikan agar menghasilkan sekurang-kurangnya satu penulisan berdasarkan kepada penyelidikan mereka. Sekiranya terdapat 10 penyelidikan yang berdaftar setiap tahun, dimana setiap satu penyelidikan dianggotai oleh sekurang-kurangnya 3 ahli, maka secara automatik, 30 orang pensyarah akan terlibat dalam aktiviti penulisan pada setiap tahun.

Sekiranya pendekatan-pendekatan ini dihayati oleh semua pihak, penulis yakin setiap pensyarah akan dapat menyumbang kepada aktiviti penulisan di UiTM Pahang dan seterusnya dapat mencapai sasaran objektif kualiti yang telah ditetapkan. Ini adalah kerana pihak pengurusan telah menyediakan peluang yang luas bagi pensyarah untuk menghasilkan penulisan mereka, dan pihak pensyarah pula sepatutnya menyedari bahawa tugas dan peranan mereka tidak boleh dipandang ringan.

Walaubagaimanapun, pendekatan lembut ini juga mempunyai kelemahan. Pendekatan lembut secara berterusan lama-kelamaan akan hilang keberkesanannya. Ianya mungkin akan menyebabkan pensyarah berada dalam keadaan yang selesa kerana pendekatan-pendekatan yang disebut di atas hanya memberi galakan dan insentif kepada yang ingin bergiat aktif. Tiada sebarang tindakan akan dikenakan kepada mereka yang tidak berminat. Pendekatan lembut yang berterusan akhirnya boleh dan mungkin menyebabkan pensyarah hilang minat serta motivasi untuk menulis.

#### *Pendekatan Keras*

Pihak pengurusan juga boleh memperkenalkan pendekatan keras, atau lebih dikenali sebagai pendekatan negatif. Biasanya pendekatan ini diamalkan apabila strategi dalam pendekatan lembut kurang atau tidak berjaya. Antara pendekatan keras yang boleh dilakukan oleh pihak pengurusan ialah seperti berikut:

##### i. mewajibkan aktiviti penulisan di kalangan pensyarah

Apabila perkataan 'wajib' diletakkan dalam satu-satu pernyataan, ianya akan membawa lebih pemberatan kepada pernyataan tersebut. Objektif kualiti penulisan tidak pernah tercapai berbanding objektif penyelidikan kerana sehingga kini tiada pernyataan yang mewajibkan pensyarah menghasilkan penulisan. Salah satu strategi yang boleh dilaksanakan oleh pihak pengurusan ialah menjadikan penulisan sebagai salah satu KPI wajib bagi setiap pensyarah. KPI ini pula hendaklah dijadikan sebagai salah satu elemen pengukuran yang diambil kira dalam penilaian prestasi tahunan pensyarah. Ini bukan sahaja akan menggalakkan pensyarah

mengaktifkan diri dalam aktiviti penulisan, ianya juga akan memberi makna yang lebih besar dan moral yang lebih tinggi kepada mereka yang sememangnya sudah aktif menulis.

ii. 'menuntut' akujanji

Setiap pensyarah yang ditawarkan kenaikan pangkat akan menandatangani satu akujanji yang menuntut mereka untuk menghasilkan penulisan dan sekiranya ini tidak dipenuhi, kenaikan pangkat mereka boleh ditarik balik. Berdasarkan rekod PRISMa, pada tahun 2008, hanya 11 dari 38 pensyarah UiTM Pahang yang berjawatan Pensyarah Kanan, Professor Madya dan Professor yang melibatkan diri dalam aktiviti penulisan. Jika pihak pengurusan ingin mengambil pendekatan keras, berdasarkan statistik ini, seramai 27 orang pensyarah yang telah menandatangani akujanji ini boleh ditarik balik kenaikan pangkat mereka pada tahun 2008.

Walaupun langkah drastik penarikan balik pangkat belum pernah dilakukan ke atas mana-mana individu yang tidak menghasilkan sebarang penulisan, pihak pengurusan boleh mengambil langkah lain meminta agar akujanji ini dipenuhi. Antaranya mengeluarkan surat peringatan dan surat tunjuk sebab, atau dengan lebih keras lagi tidak menyokong sebarang permohonan individu tersebut bagi kenaikan pangkat di masa hadapan.

Pendekatan keras biasanya akan membuahkan hasil dalam masa yang singkat. Ini adalah kerana pensyarah tidak mempunyai peluang untuk tidak melakukan apa yang telah diarahkan. Contohnya, syarat wajib yang diletakkan ke atas setiap pensyarah baru untuk menjalankan penyelidikan bagi ujian pengesahan jawatan ternyata sangat berkesan dalam meninggikan bilangan penyelidikan yang dijalankan setiap tahun dan seterusnya mencapai objektif kualiti bagi aktiviti penyelidikan.

Walaupun bagaimanapun, seperti yang telah dinyatakan, pendekatan keras ini juga mempunyai kelemahan. Jika pensyarah memang tidak berminat untuk menulis, mereka berkemungkinan besar akan hanya menghasilkan keperluan yang minima sahaja. Kelemahan dan keburukan yang paling jelas sekali ialah pendekatan ini akan mendapat kecaman dari pelbagai pihak terutama bagi mereka yang memang tidak berminat melibatkan diri dalam aktiviti penulisan. Walaupun tentangan mungkin tidak akan dilakukan secara terang-terangan, ianya boleh membawa kepada 'pemberontakan dalaman'. Ini boleh memberi kesan yang negatif kepada hubungan antara pihak pengurusan dan pensyarah.

## Strategi di Peringkat Individu

Di peringkat individu, dua langkah yang penting dalam mencapai sesuatu impian dan keinginan adalah i) menetapkan sasaran, dan ii) mengatur strategi (untuk mencapai sasaran yang diinginkan).

*i. Menetapkan sasaran*

Perkara yang paling penting untuk sebarang kejayaan adalah menetapkan sasaran. Ini adalah sangat perlu kerana bentuk, bilangan atau jenis sasaran akan mencorakkan strategi yang boleh membawa kepada pencapaian sasaran tersebut.

Dalam menetapkan sasaran, seseorang itu perlu mengaplikasikan kaedah SMART (*Specific, Measurable, Attainable, Realistic, Time-limited*). Menetapkan sasaran yang tinggi mungkin akan menampakkan seseorang itu lebih hebat. Namun ianya tidak akan berbaloi sekiranya kegagalan

mencapai sasaran itu akan menyebabkan rasa kecewa dan berputus asa. Maka, adalah lebih baik sekiranya kita menetapkan sasaran itu secara munasabah dan boleh dicapai dalam kapasiti bebanan kerja dan kekangan masa yang dihadapi. Tambahan pula, jika pencapaian sebenar melebihi sasaran yang telah ditetapkan, ianya akan memberi satu kepuasan dan berkemungkinan besar akan menjadi suatu sumber motivasi untuk kejayaan yang akan datang.

Namun begitu, penetapan sasaran perlu mempunyai kemajuan dari masa ke semasa. Contohnya, jika kita telah menetapkan satu penulisan setiap tahun, apabila ianya telah tercapai, kita perlu mengubah sasaran tersebut kepada bilangan yang lebih tinggi daripada itu. Walaubagaimanapun, seperti yang dinyatakan tadi, setiap peningkatan sasaran yang dilakukan mestilah realistik dan mampu dicapai.

## ii. Mengatur Strategi

Dalam aspek mengatur strategi untuk mencapai sasaran yang telah ditetapkan, penulis menggariskan enam perkara utama yang perlu ada dan diadakan: a) watak keperibadian yang positif, b) masa terkawal; c) ruang terkawal, d) kemahiran, e) mentor, dan f) merealisasikan perancangan.

### a) watak keperibadian yang positif

Watak keperibadian yang positif adalah elemen yang terpenting dalam menghasilkan penulisan. Ini adalah kerana aktiviti ini memerlukan keinginan, semangat dan keazaman yang jitu. Semua elemen ini perlu datangnya dari dalaman. Keinginan untuk memulakan dan semangat untuk menyudahkan sesuatu penulisan itu dengan sempurna hanya dapat digerakkan oleh motivasi dalaman. Selain itu, seorang penulis juga perlu berfikiran terbuka untuk menerima kritikan dan teguran berkaitan dengan hasil penulisan mereka. Ini adalah kerana setiap penulisan dihasilkan untuk bacaan orang ramai, maka pandangan dari orang lain perlu untuk penambahbaikan penulisan tersebut. Sifat tidak mudah putus asa juga berkait rapat dengan perkara ini. Pensyarah perlu sentiasa berasa bersedia untuk terus menulis meskipun hasil penulisan mungkin ditolak atau mendapat komen yang tidak memberangsangkan dari pihak luar.

### b) masa terkawal

Kebanyakan pensyarah di UiTM tidak mempunyai keistimewaan seperti pensyarah di universiti lain dari segi beban jam mengajar. Secara purata, pensyarah UiTM diberikan amanah tugas akademik sebanyak 18 jam seminggu. Ini belum termasuk tugas lain yang perlu dipikul pada masa yang sama. Ini sudah tentu menghalang aktiviti penulisan di kalangan pensyarah. Namun begitu, perkara ini perlu diatasi sendiri oleh pensyarah kerana masalah beban jam pengajaran tidak mungkin akan dapat diatasi dalam masa yang terdekat ini. Oleh itu, pensyarah perlu mengadakan sendiri masa terkawal mereka, ataupun *self-protected time* untuk aktiviti penulisan.

Konsep masa terkawal ini sebenarnya bukanlah perkara yang baru. Ianya adalah masa wajib yang diperuntukkan untuk sesuatu aktiviti seperti makan, bersolat, perjalanan ke tempat kerja dan sebagainya. Pensyarah boleh memperuntukkan masa terkawal yang tetap untuk menulis seperti dua jam sehari atau dua jam seminggu bergantung kepada keupayaan, kesanggupan dan kesungguhan masing-masing.

c) ruang terkawal

Persekitaran yang menyokong seperti keperluan yang lengkap juga amat perlu untuk penghasilan penulisan. Penulis mencadangkan agar pensyarah mempunyai ruang terkawal, atau *protected space* di rumah kerana ianya boleh memberi motivasi dan ilham untuk menulis pada bila-bila masa. Ruang ini boleh dilengkapi dengan komputer (yang dilengkapi dengan jaringan internet) dan juga bahan bacaan yang diperlukan. Oleh itu, pensyarah tidak perlu menunggu waktu keberadaan di pejabat untuk menulis.

d) kemahiran

Ramai pensyarah menyatakan kepada penulis bahawa mereka tidak menulis dan tidak boleh menulis kerana mereka tidak mempunyai pengetahuan dan pengalaman dalam bidang penulisan. Ini adalah satu tanggapan yang kurang tepat. Penulisan adalah satu kemahiran. Seperti kemahiran dalam mana-mana bidang, ianya boleh digilap melalui latihan yang berterusan. Pendedahan awal kepada bidang penulisan boleh didapati dengan menghadiri mana-mana bengkel atau latihan penulisan yang dianjurkan oleh UPENA, iLQaM atau agensi luar. Pengetahuan yang diperolehi melalui bengkel-bengkel ini serta latihan yang berterusan sudah pasti dapat memantapkan kemahiran penulisan setiap pensyarah.

d) perkongsian penulisan

Mungkin ada pensyarah yang tidak berkeyakinan menghasilkan sebarang penulisan secara berseorangan. Salah satu strategi untuk mengatasi masalah ini adalah dengan bergiat secara berkumpulan. Setiap ahli kumpulan mempunyai kekuatan masing-masing yang mungkin dapat membantu ahli yang lain. Selain itu, tugas yang perlu dilakukan seperti mencari sorotan literatur dan menganalisa data boleh dibahagikan di antara ahli kumpulan. Perkongsian idea, tenaga dan usaha sudah tentu boleh membawa kepada hasil penulisan yang lebih dari segi kuantiti dan kualiti.

e) mempunyai mentor

Setiap pensyarah samada yang sudah berpengalaman atau tidak perlu mempunyai mentor dalam bidang penulisan bagi mendapatkan pandangan dan bimbingan terhadap sesuatu penulisan yang dihasilkan. Setiap pensyarah bebas memilih mentor masing-masing tetapi mentor yang dipilih itu mestilah seseorang yang boleh membimbing dan memberi panduan dalam menghasilkan penulisan yang berkualiti. Walaubagaimanapun, konsep mentor ini perlu difahami oleh setiap pensyarah. Seseorang mentor itu hanya memberi panduan dan bimbingan, bukannya memikirkan mana-mana projek penulisan untuk mentenya. Contohnya, jika seseorang pensyarah itu mempunyai idea untuk menulis, tetapi tidak begitu arif untuk melaksanakan rancangannya, beliau boleh meminta nasihat dan tunjuk ajar atau menjadi penulis bersama dalam penulisan tersebut.

Pihak UPENA UiTM Pahang telah pun mengadakan program mentor-mentee ini, malangnya kebanyakan pensyarah yang berminat menyertainya adalah mereka yang sudah banyak menghasilkan penulisan. Oleh itu, adalah diharapkan agar lebih ramai pensyarah, terutama yang belum menghasilkan sebarang penulisan menyertai program ini.



f) merealisasikan perancangan

Ini adalah fasa yang paling penting dalam segala impian dan perancangan. Setiap perancangan perlu direalisasikan dengan sendiri. Motivasi luaran mungkin banyak membantu tetapi keinginan dan kesungguhan dalaman adalah lebih penting dalam melaksanakan dan merealisasikan segala perancangan.

## Kesimpulan

Kepentingan penulisan dalam dunia akademik dewasa ini menuntut agar setiap pensyarah melibatkan diri secara aktif dalam aktiviti penulisan. Untuk mencapai sasaran seperti yang telah ditetapkan dalam objektif kualiti penulisan bukanlah sesuatu yang mustahil. Terdapat pelbagai strategi yang boleh dilaksanakan samada di peringkat pengurusan mahupun individu. Kedua-dua pihak perlu saling berusaha dalam memastikan sasaran tersebut tercapai. Walaubagaimanapun usaha yang lebih sudah pastinya jatuh di bahu pensyarah sendiri kerana sebagai seorang ahli akademik dan cendekiawan, merekalah yang sebenarnya mempunyai tanggungjawab menyempurnakan 'amanah ilmiah' (Rasid, 2008, hal. 166).

## Rujukan

- Ku Seman Ku Hussain & Amran Ahmad. (September 12, 2007). Perubahan radikal IPT. *Mingguan Malaysia*.
- Rasid Muhamad. (2008). Budaya ilmu, budaya berfikir dan budaya berkarya: Memugar tradisi kesarjanaan di institusi pengajian tinggi. *Prosiding Kolokium Akademik UiTM Pahang*. UPENA. hal. 155-167.
- PRISMa. (2008). Laporan penulisan pensyarah 2008. Dicapai pada November 18, 2008 melalui <http://www.sarawak.uitm.edu.my/prisma/>